

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 FEB 2015

Najib paling layak selesai kemelut: Dr Mahathir

BH
-5/2/2015

Kepong: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata krisis kepemimpinan MIC hanya boleh diselesaikan dengan bantuan pihak ketiga yang bukan dari kalangan parti itu.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak adalah pihak yang layak berbuat demikian bagi menamatkan kemelut itu yang se-

makin berlarutan.

"MIC ini selalu ada masalah. Saya ingat masalah ini patut dibetulkan oleh orang dari luar MIC, kalau sama-sama dia, mereka tidak akan mencapai persetujuan.

Kemelut sejak zaman Mahathir

"Masa saya dulu pun berlaku juga," katanya pada sidang me-

dia selepas meletakkan plak warisan kebangsaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas krisis dalaman MIC yang tercetus selepas Pendaftaran Pertubuhan (ROS) membatalkan pemilihan bagi jawatan tiga naib presiden dan 23 anggota Jawatankuasa Kerja

Pusat (CWC) dalam perhimpunan agung MIC di Melaka pada November 2013.

Pemilihan semula

Dalam surat bertarikh 5 Disember lalu, ROS mengarahkan MIC mengadakan pemilihan semula bagi jawatan berkenaan dalam tempoh 90 hari.

Arahan itu susulan dakwaan wujud perkara yang melanggar peraturan dalam pemilihan pada mesyuarat agung berkenaan.

Mengulas sama ada beliau bersetuju jika diminta menjadi orang tengah, Dr Mahathir berkata beliau menarik diri.